

Pandemik COVID-19: Isu Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pendidikan Khas di Malaysia

[COVID-19 Pandemic: The Use of ICT in Teaching and Learning Process for Students with Special Needs at the Special Educational Institutions in Malaysia]

Azman Ab Rahman *¹, Nurul Nadia Nozlan ², Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi ³ , Muhammad Firdaus Ab Rahman⁴ & Mohamad Anwar Zakaria ⁵

¹ Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. azman@usim.edu.my

² Pembantu Penyelidik Siswazah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. nunadianurul@gmail.com

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. hussein@usim.edu.my

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. mfirdaus.rahman@usim.edu.my

⁵ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. anwarzakaria8055@gmail.com

* Penulis penghubung: azman@usim.edu.my

Manuscript Received Date: 08/10/21

Manuscript Acceptance Date: 5/12/21

Manuscript Published Date: 25/12/21

©The Author(s) (2020). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact: usimpress@usim.edu.my

DOI: 10.33102/uj.vol33noS4.428

Abstrak

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada masa kini semakin mendapat tempat di setiap sektor di Malaysia. Kepesatan pembangunan telah menjadikan ICT itu satu keperluan dalam kalangan orang ramai. Masyarakat tidak kira golongan normal mahupun Orang Kurang Upaya (OKU) tidak ketinggalan dalam menggunakan perkhidmatan ICT yang kian meluas ini. Masyarakat lebih cenderung untuk menggunakan perkhidmatan ICT seperti internet, melakukan transaksi jual beli atas talian (*online*), melakukan kerja dari rumah (*Work From Home*) dan proses pembelajaran dari rumah sewaktu PdP. Arahan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan telah menyebabkan keterbatasan dalam sektor pendidikan untuk beroperasi secara biasa (bersemuka) dan menjadikan pembelajaran secara dalam talian sebagai medium gantian. Namun begitu, timbul persoalan tentang bagaimanakah golongan OKU ini menggunakan medium pengantaraan ICT atau kaedah PdP secara dalam talian sewaktu COVID-19 untuk meneruskan sesi pembelajaran mereka. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti isu yang dihadapi oleh golongan OKU dan institusi pendidikan dalam menggunakan kaedah PdP secara maya dalam proses PdP sewaktu COVID-19. Kajian kualitatif ini akan menggunakan kaedah dokumentasi, temu bual dan pemerhatian dalam mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil kajian mendapati bahawa isu utama yang perlu ditemпуhi oleh golongan OKU adalah komitmen daripada para pelajar sendiri serta komitmen ibu bapa dalam memantau pembelajaran anak istimewa mereka. Manakala, cabaran yang dihadapi oleh sesebuah institusi pendidikan adalah untuk mengenal pasti kaedah yang sesuai bagi melaksanakan PdP secara dalam talian sewaktu COVID-19 terhadap pelajar daripada golongan OKU. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada institusi pendidikan dalam menambah baik proses PdP bagi pelajar OKU sewaktu bencana berlaku seperti COVID-19 ini.

Keywords: *ICT, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), COVID-19, Isu*

1.0 Pengenalan

Wabak pandemik COVID-19 yang menular hampir ke seluruh negara telah menjejaskan sektor-sektor penting sesebuah negara seperti ekonomi, pelancongan, perniagaan, pendidikan dan lain-lain. Perkara ini mendatangkan kerisauan dan keresahan seluruh pihak termasuklah rakyat di Malaysia. Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia telah membataskan pergerakan rakyat Malaysia daripada melakukan aktiviti kebiasaan mereka demi membendung penularan wabak COVID-19. Hanya sektor-sektor yang penting (*essential services*) sahaja seperti peruncitan, perbankan dan perubatan yang dibenarkan untuk beroperasi. Manakala, sektor lain yang tidak memberi impak atau kesan yang terlalu besar kepada pembangunan dan perkembangan negara telah diarahkan untuk berhenti beroperasi buat seketika waktu demi mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan dan mematuhi arahan PKP. Walau bagaimanapun, sektor-sektor tersebut dibenarkan beroperasi dengan melakukan pekerjaan mereka hanya dari rumah (*work from home*) yang telah disarankan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, penggunaan dan keperluan kepada akses Teknologi

Maklumat dan Komunikasi (ICT) sewaktu COVID-19 ini amat memainkan peranan yang sangat penting.

Menurut Norakyairee et al. (2018), perkembangan teknologi maklumat dilihat dapat memberikan impak dan potensi yang besar terutama dalam bidang pendidikan. Pengaplikasian ICT dilihat amat penting dalam sektor pendidikan kerana ia mampu dijadikan medium pengantaraan yang baik antara guru dan pelajar. COVID-19 yang berlaku telah memberi implikasi yang besar kepada insitansi pendidikan seperti pihak tenaga pengajar dan pelajar dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti kaedah biasa iaitu secara bersemuka. Syed Najihuddin et al., (2018) juga menyatakan bahawa teknologi dirujuk sebagai suatu kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan sebarang permasalahan. Perkara tersebut dapat dilihat dengan beberapa pendekatan seperti mengubah cara belajar seseorang individu, kaedah memperolehi maklumat dan menyesuaikan dapatan maklumat. Ianya juga mampu menjadikan teknologi sebagai pengantara bagi mencapai matlamat pendidikan dan demi memastikan para pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan mereka walaupun sewaktu negara dilanda pandemik COVID-19.

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat Malaysia tidak ketinggalan untuk terus menerima maklumat dan pendidikan yang berkualiti. Usaha yang dijalankan adalah untuk memaksimumkan penggunaan teknologi dalam mentransformasikan rakyat Malaysia kepada masyarakat bermaklumat (*Knowledge Based Society*) sewaktu COVID-19. Usaha yang dijalankan juga bukan hanya tertumpu pada golongan normal, bahkan terhadap golongan OKU juga. Pelajar daripada golongan OKU juga tidak ketinggalan daripada mempunyai hak untuk memiliki pendidikan yang berkualiti. Antara 17 matlamat yang ingin dicapai oleh dunia pada tahun 2030 adalah pendidikan yang berkualiti. Ia selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang mana ia merupakan satu program berteraskan kepada hak asasi manusia merangkumi tiga dimensi utama iaitu sosial, alam sekitar dan ekonomi (Hafizah, 2019). Matlamat yang dibawa oleh SDGs adalah untuk memastikan yang “*no one left behind*” selari dengan Rancangan Malaysia ke-11. Justeru, pendidikan golongan OKU sewaktu COVID-19 harus diberi lebih perhatian dan sejajar dengan perkembangan dunia ICT kini.

2.0 Penyataan Masalah

Sejak negara Malaysia dilanda COVID-19 dan PKP dijalankan, sektor pendidikan di Malaysia juga turut terjejas. Institusi pendidikan di Malaysia mengalami corak PdP yang berbeza dan telah mengoptimumkan penggunaan ICT secara maksimum sebagai kaedah baru menggantikan proses PdP seperti sedia kala. Perkara ini turut dipersetujui oleh Nozina Yahaya (2020) dengan mengatakan bahawa pandemik COVID-19 telah memberi kesan dan merubah sistem Pendidikan secara 360 darjah. Masyarakat global terpaksa mengubah norma dan gaya hidup mereka sekali gus keluar daripada kebiasaan akibat pandemik Covid-19. Proses PdP yang dahulunya berlaku secara bersemuka kini bertukar di alam maya untuk memastikan kesinambungan pembelajaran

Selain itu, pelaksanaan pembelajaran secara atas talian telah lama dipraktikkan di negara-negara maju kerana ia dipercayai mampu memberikan manfaat dan kebaikan. Kebanyakan universiti tempatan baik awam mahupun swasta termasuk sekolah-sekolah di Malaysia tiada pilihan lain dengan menggunakan kaedah PdP secara maya bagi memastikan silibus pembelajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi PdP tidak ditangguhkan (Mohamad Idham, 2020). Keadaan ini pasti menimbulkan kesukaran buat golongan OKU khususnya dalam mengikuti kaedah pembelajaran secara dalam talian disebabkan oleh kekangan yang dihadapi oleh mereka.

Hal ini telah diulas oleh Nur Hasliza (2020) menerusi penulisannya dengan mengatakan bahawa murid dalam kategori OKU ini termasuk mereka yang memiliki kurang upaya pendengaran, penglihatan, pertuturan, fizikal, masalah pembelajaran dan pelbagai ketidakupayaan akan berdepan dengan cabaran kerana rutin di dalam kelas dan aktiviti pembelajaran telah terganggu serta terpaksa digantikan dengan sesi pembelajaran dalam talian serta pengisian modul bercetak. Cabaran ini tidak hanya diterima oleh para pelajar OKU, malahan buat para guru juga. Wujud kebimbangan dalam kalangan tenaga pengajar tentang risiko murid-murid akan ketinggalan dalam pembelajaran akibat penutupan sekolah.

Justeru, perlunya untuk mengkaji isu yang dihadapi oleh para pelajar OKU dan Institusi Pendidikan agar pihak bertanggungjawab seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat memikirkan inisiatif tertentu bagi mendepani cabaran yang dialami oleh pelajar OKU dalam mengikuti proses PdP secara maya sewaktu COVID-19 ini. Perkara ini juga harus diambil perhatian oleh Institusi Pendidikan dan para tenaga pengajar yang pastinya mereka juga turut sama berdepan dengan isu atau cabaran tertentu dalam mengaplikasi kaedah PdP secara dalam talian kepada pelajar.

3.0 Sorotan Literatur

3.1 Definisi dan Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)

Menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008, Orang Kurang Upaya adalah “mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”. Majma' Al-Fiqh Al-Islami pula memberikan penakrifan OKU sebagai “individu yang mempunyai kelemahan sama ada daripada sudut akal, deria, atau fizikal untuk melakukan aktiviti-aktiviti keperluannya berbanding individu yang normal”(Majlis Majma' Al-Fiqh Al-Islami Ad-Duwali, 2015). Manakala berdasarkan *World Health Organization* (WHO), OKU ditakrifkan sebagai “seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada kehidupan sosialnya, sebagai seorang individu normal, akibat kekurangan keadaan fizikal atau mental” (Azman Ab Rahman et al., 2014).

Pandangan lain yang turut diutarakan tentang definisi OKU adalah sebuah kelompok atau golongan individu yang mempunyai perbezaan dari segi ciri-ciri neurologi, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkahlaku dan emosi serta ciri-ciri fizikal (Wan Sabri

Wan Husin, 2013). Melalui definisi-definisi yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa golongan OKU merupakan seseorang individu yang mempunyai ketidakupayaan tertentu, seperti ketidakupayaan fizikal, masalah penglihatan dan pendengaran pada diri mereka. Hal ini telah menyebabkan keterbatasan tertentu yang dapat menghalang mereka untuk menjalankan kehidupan secara normal dan memerlukan bantuan daripada orang lain dalam perkara-perkara tertentu.

Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengklasifikasikan golongan OKU kepada 7 golongan seperti berikut (JKM, 2016):

Jadual 1. Kategori OKU Menurut JKM

NO.	KATEGORI	PENERANGAN
1.	Kurang Upaya Pendengaran	Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.
2.	Kurang Upaya Penglihatan	Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh.
3.	Kurang Upaya Fizikal	Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan yang mengalami keadaan seperti hemiplegia, paraplegia dan kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti asas seperti penjagaan diri, pergerakan dan pertukaran posisi tubuh badan.
4.	Kurang Upaya Pertuturan	Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini akan kekal atau tidak akan sembuh.
5.	Masalah Pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down, dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti <i>Autisme</i> , <i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i> (ADHD) dan masalah pembelajaran spesifik seperti <i>Dyslexia</i> , <i>Dyscalculia</i> dan <i>Dysgraphia</i> .
6.	Kurang Upaya Mental	Keadaan penyakit mental yang teruk yang telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua (2) tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami dan telah menjalani rawatan psikiatri, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat. Antara jenis penyakit mental tersebut ialah <i>Skizofrenia</i> , <i>Paranoid</i> dan <i>Mood Disorder</i> (<i>depression, bipolar</i>)
7.	Kurang Upaya Pelbagai	Mempunyai lebih daripada satu (1) jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam (6).

3.2 Perkembangan Institusi Pendidikan Khas di Malaysia

Pendidikan Khas didefinisikan sebagai satu bentuk pendidikan yang disediakan untuk memenuhi keperluan kanak-kanak berkeperluan khas (Hallahan dan Kauffman, 2006). Gargiulo (2003) pula menyatakan Pendidikan Khas merupakan program pengajaran

husus yang direka bentuk bagi memenuhi keperluan pelajar luar biasa. Ia mungkin memerlukan penggunaan bahan-bahan peralatan dan kaedah pengajaran khusus. Pengajaran ini kebiasaannya dikelolakan dalam bilik darjah, di rumah, di hospital atau institut lain. Mansor (2005) mengatakan bahawa program Pendidikan Khas di Malaysia merupakan satu usaha yang berterusan bagi menggalakkan perkembangan optima seseorang sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Penubuhan Sekolah Pendidikan Khas di Malaysia telah ditubuhkan semenjak sebelum merdeka lagi, iaitu pada tahun 1920 dimana ia bermula dengan sekolah untuk orang-orang buta dan berkembang kepada sekolah untuk orang-orang pekak melalui penglibatan sukarelawan (Norsyahirah & Athirah, 2018).

Jadual 2. Tarikh-Tarikh Penting dan Perkembangan Pendidikan Khas

TARIKH	PERISTIWA
1926	Pembukaan Sekolah Rendah Buta Kebangsaan St. Nicholas di Melaka
1931	Sekolah Rendah Buta Kebangsaan St. Nicholas berpindah ke Pulau Pinang
1948	Pembukaan Sekolah Rendah Buta Kebangsaan Princes Elizabeth dengan kemudahan asrama oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di Johor Bahru
1953	Pembukaan Instiut Taman Harapan, Pusat Pertanian Temerloh(JKM)
1954	Pembukaan Sekolah Kanak-kanak Pekak Persekutuan (Rendah dan Menengah) di Pulau Pinang
1958	Pembukaan Institut Taman Cahaya, Pusat Pertanian Sandakan (JKM)
1962	Rancangan Percantuman bagi Pendidikan Kanak-kanak Bermasalah Penglihatan dengan pelajar biasa di sekolah rendah dan menengah
1963	Permulaan Latihan Perguruan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di Maktab Perguruan Ilmu Khas
1977	Penubuhan Jawatankuasa Utama Pembentukan kod Braile Bahasa Melayu
1978	Pembukaan Sekolah Menengah Berasrama kurang berupaya penglihatan,Setapak. Pengenalan kaedah komunikasi dan pengubalan Sistem Kod Tangan Bahasa Melayu Kelas pemulihan untuk pelajar yang lembam atau lemah dalam pelajaran
1979	Penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Kurikulum Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Kementerian Pendidikan
1983	Penubuhan Jawatankuasa Kod Braile al-Quran
1984	Penubuhan Unit Penerbitan dan Percetakan Bahan-bahan Braile, Kementerian Pendidikan
1987	Pembukaan Sekolah Menengah Buta Pendidikan Khas Vokasional,Shah Alam

1988	Permulaan kelas perintis untuk pelajar Bermasalah Pembelajaran
1994	Pembukaan kelas-kelas program inklusif di 14 sekolah
1995	Program Masalah Pembelajaran peringkat menengah dimulakan

Sejak tahun 1990, Malaysia telah menunjukkan kemajuan pesat dalam Pendidikan Khas. Kemajuan ini merangkumi pengembangan program penyediaan guru yang diasingkan untuk arus perdana dan Pendidikan Khas. Penubuhan Jabatan Pendidikan Khas pada tahun 1995 (kini dikenali sebagai Bahagian Pendidikan Khas), satu bab mengenai Pendidikan Khas telah dimasukkan di dalam Akta Pendidikan 1996 dan pengenalan Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 1997. Di dalam Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas), terdapat tiga program Pendidikan Khas, iaitu Sekolah Khas, Program Integrasi dan Program Inklusif (Lay & Hui, 2014).

Tambahan pula, Muhamad Nadhir & Alfa (2016) juga mengatakan bahawa penerapan Akta Orang Kurang Upaya pada tahun 2008 bukan sahaja membawa perubahan paradigma dari model kebajikan kepada model hak asasi manusia, tetapi juga telah menekankan secara terperinci bahawa orang kurang upaya tidak boleh dikecualikan dari sistem pendidikan formal hanya kerana ketidakupayaan dari segi fizikal, deria atau kecacatan kognitif. Ringkasnya, Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang sangat pesat dalam sektor Pendidikan Khas saban tahun. Namun, ada banyak cabaran dan dilema yang perlu diberikan perhatian dan tindakan yang sewajarnya demi mewujudkan pendidikan yang inklusif untuk semua warganegara di Malaysia.

3.3 ICT dan Pendidikan Khas

Pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam pembangunan individu dan negara. Hari ini, pendidikan bukan sahaja penting dalam mengembangkan kualiti intelektual dan peribadi seseorang, tetapi juga faktor yang mempengaruhi seseorang dalam mencari pekerjaan dan sebagainya. Menurut Muhamad Nadhir & Alfa (2016), bagi golongan OKU, pendidikan merupakan satu bahagian penting dalam kehidupan mereka dan ia membolehkan mereka untuk membaca dan menulis, bercakap dalam bahasa Inggeris, mencari pekerjaan dan turut sama terlibat dalam membuat keputusan bersama dengan ahli keluarga mereka. Malahan, pendidikan adalah penting kerana ia dapat memberikan individu OKU kehidupan yang lebih baik, penghormatan daripada orang lain, menyedari hak seseorang dan memperoleh kemahiran interpersonal (Singal et. al, 2015).

Perkembangan dunia dalam menelusuri arus teknologi kini kian pesat membangun dan hal ini turut berkembang di dalam sektor pendidikan di seluruh negara. Pendidikan Khas juga tidak terkecuali dari menerima tempas perkembangan ICT yang mana ia banyak memberi impak dan faedah kepada proses PdP yang berlaku di sekolah Pendidikan Khas. Nur Farah (2013) berpendapat bahawa pengenalan ICT kepada pelajar Pendidikan Khas merupakan satu idea yang perlu dipertimbangkan terlebih dahulu, kerana ICT memerlukan pelajar untuk menguasai dan berkemahiran dalam menggunakannya. Walaupun pelajar OKU bakal berdepan dengan cabaran dan isu terhadap penggunaan teknologi atau ICT, namun

mereka wajar diberikan pendedahan yang sewajarnya terhadap dunia ICT agar tidak turut ketinggalan dalam mengikuti perkembangan arus teknologi kini.

Kajian semasa juga banyak mengaitkan penggunaan ICT terhadap pelajar Pendidikan Khas atau OKU. Pandemik telah merubah corak PdP dalam pendidikan OKU. Para guru OKU mahupun OKU kedua-duanya berdepan dengan cabaran dalam meneruskan PdP secara dalam talian. Para guru mengalami kesukaran untuk meneruskan PdP sewaktu COVID-19 kerana kurang berpengalaman dalam mengendalikan kelas PdP secara dalam talian bersama pelajar OKU (Rachel K. Schuck & Rachel Lambert, 2020). Ab Rahman et. al (2021) juga mengatakan bahawa tidak dinafikan pelajar OKU bakal berdepan dengan pelbagai cabaran dalam penggunaan ICT. Hal ini dapat dilihat apabila cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar OKU Masalah Pembelajaran dalam meneruskan PdP Pendidikan Islam sewaktu COVID-19 adalah isu berkaitan kemudahan teknologi. Meskipun pelajar berkemahiran dalam menggunakan ICT, pelajar berdepan dengan masalah ketiadaan peranti teknologi seperti telefon bimbit dan komputer riba untuk meneruskan PdP Pendidikan Islam secara dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sewaktu COVID-19. Perkara ini wajar diberikan lebih perhatian dengan menandatangani solusi yang sewajarnya oleh pihak berkuasa tertentu.

Maimun et. al (2021) di dalam hasil kajiannya juga mendapati bahawa cabaran pandemik memberi implikasi terhadap guru terutama guru Pendidikan Islam dalam mengharungi Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (Pdpr) sebagaimana dirancang serta sentiasa bersedia meningkatkan kemahiran teknologi dalam pengajaran secara kreatif dan inovatif.

Jelaslah bahawa institusi Pendidikan Khas juga turut mengetengahkan penggunaan ICT dalam kalangan pelajar OKU lebih-lebih lagi dalam meneruskan PdP secara dalam talian sewaktu COVID-19. Maka, penggunaan ICT amat penting dalam kehidupan pelajar OKU lebih-lebih lagi dalam pendidikan.

4.0 Metodologi Penyelidikan

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah dokumentasi, temu bual dan pemerhatian untuk mendapatkan data primer dan sekunder berkaitan objektif kajian. Kaedah dokumentasi melibatkan kajian analisis terhadap bahan-bahan bercetak seperti jurnal, buku, artikel, prosiding, akhbar dan sebagainya. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam terhadap kajian yang ingin dijalankan. Bagi mendapatkan data sekunder yang berkaitan kaedah PdP bagi golongan OKU dan institusi pendidikan sewaktu COVID-19, penyelidik akan merujuk kepada penulisan artikel dan jurnal termasuk laman web rasmi KPM dan akhbar harian. Hasil daripada data tersebut akan dianalisis untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Seterusnya, kaedah temu bual dijalankan untuk mendapatkan data lapangan dengan lebih terperinci berkenaan isu atau kajian yang dijalankan. Soalan temu bual yang dibentuk adalah secara soal jawab agar maklumat yang akan diperolehi adalah lebih mendalam. Tujuan utama temu bual ini dibuat adalah untuk mendapatkan maklumat secara jelas dan

mendalam tentang kaedah PdP yang dijalankan bagi golongan OKU dan institusi pendidikan sewaktu COVID-19. Temu bual yang telah dijalankan adalah melalui kaedah secara dalam talian bersama seorang responden guru Pra-Vokasional dari sekolah Pendidikan Khas. Selain itu temu bual ini juga penting dalam mengetahui cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU dan institusi pendidikan dalam melaksanakan kaedah PdP secara maya sewaktu tempoh PKP disebabkan oleh COVID-19 agar dapat membantu mereka mendepani cabaran yang dihadapi.

Bagi kaedah pemerhatian pula, ia merupakan satu kaedah alternatif bagi mengumpul maklumat dan pengumpulan data. Penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan pemboleh ubah yang dikenal pasti. Kaedah pemerhatian dijalankan bagi memahami sesuatu situasi atau keadaan, mendapatkan data secara langsung dan terdapat bukti secara fizikal atau dapatan yang boleh diukur dengan penglihatan. Pemboleh ubah dalam penyelidikan ini terdiri daripada para pendidik institusi Pendidikan Khas dan pelajar OKU yang mana data pemerhatian tersebut akan dianalisis mengikut konsep pelaporan.

5.0 Dapatan Kajian

5.1 Definisi Coronavirus

Menurut Portal Rasmi KKM, Coronavirus (CoV) adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit daripada selesema hingga ke penyakit lebih teruk seperti *Middle East Respiratory Syndrome* (MERS-CoV) dan *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS-CoV). Novel Coronavirus pula adalah merujuk kepada spesis baharu yang belum pernah ditemui oleh manusia (KKM, 2019). Novel Coronavirus (2019-nCoV) adalah mana-mana strain baharu virus tersebut yang sebelum ini tidak pernah dikenal pasti atau dikesan oleh manusia (al-Bakri, 2020).

Manakala menurut WHO, Coronavirus adalah suatu kelompok virus yang dapat menyebabkan penyakit pada haiwan atau manusia. Coronavirus mempunyai beberapa jenis yang diketahui yang menyebabkan infeksi saluran pernafasan pada manusia dimulai dengan batuk yang pelik hingga yang lebih serius seperti *Middle East Respiratory Syndrome* (MERS) dan *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS). Coronavirus jenis baharu yang ditemukan menyebabkan penyakit COVID-19. COVID-19 disimpulkan sebagai penyakit menular yang disebabkan oleh jenis coronavirus yang baru ditemukan itu (WHO, 2019).

Coronavirus juga dikenali sebagai virus yang sering terjadi pada spesis haiwan. Walaupun jarang menjangkiti manusia, namun baru-baru ini ia mulai menjangkiti manusia dan menjadikan ia satu masalah yang terkesan buat seluruh pihak. Seluruh dunia mula berasa risau dengan wabak penularan coronavirus ini setelah hampir setiap negara, rakyatnya dijangkiti dengan virus ini. Hal ini disebabkan oleh virus ini mula berevolusi dan tersebar kepada manusia (Farhana, 2020).

Berdasarkan definisi, coronavirus merupakan penyakit baharu dan kebiasaannya akan menyerang pada haiwan. Namun, sejak wabak penularan novel coronavirus yang baharu

ini, ia mulai menyerang manusia dan memberikan infeksi yang teruk kepada saluran pernafasan. Pada asalnya, coronavirus ini telah menjangkiti manusia dengan virus selesema sehingga membawa pesakit ke penyakit yang lebih teruk seperti MERS dan SARS. Coronavirus yang baharu ditemui ini merupakan satu evolusi kepada penyakit yang lebih teruk kerana ia mulai menjangkiti manusia dengan memberikan tanda awal seperti batuk, dan selesema sehingga ke peringkat yang lebih teruk iaitu sesak nafas dan memerlukan alat sokongan pernafasan yang akan menjadikan pesakit dalam keadaan yang kritikal.

5.2 Kaedah Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Abad Ke-21

Pendidikan merupakan perkara yang amat penting dalam menentukan keupayaan dan kualiti generasi baharu dalam mengharungi cabaran teknologi global yang kian pesat membangun. Ia akan membantu individu untuk lebih ketahanan dalam apa jua hal dan mempunyai kualiti tertentu seperti keupayaan menggunakan teknologi maklumat, kreatif dan cekap menyelesaikan masalah. Menurut Norazlin & Siti Rahaimah (2019), KPM telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi tumpuan pada pembelajaran abad ke-21 serta idea berkaitan peranan guru sebagai pemudahcara.

Proses perancangan dan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 dilihat perlu memenuhi keperluan yang perlu diikuti sebagai prinsip utama pembelajaran. Ia merangkumi empat prinsip utama iaitu pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran kontekstual dan melibatkan komuniti. Pedagogi dan amalan pengajaran abad ke-21 perlu diperkayakan dengan pemikiran yang lebih kritis, kreatif, inovatif, memikirkan penyelesaian dan kemahiran membuat keputusan (Osman et. al, 2016). Maka, para guru masa kini harus mengikuti arus pembelajaran semasa dengan memberikan penekanan terhadap kaedah PdP abad ke-21 dalam proses pembelajaran mereka dan amat penting ianya diterapkan dan dipraktikkan dengan lebih meluas.

Proses PdP sektor pendidikan di Malaysia telah mengalami corak perubahan terhadap kaedah pembelajaran di institusi pendidikan sewaktu negara melaksanakan tempoh PKP disebabkan oleh COVID-19. KPM telah mengeluarkan garis panduan terhadap kaedah PdP yang perlu dijalankan oleh para pendidik dan pelajar sewaktu tempoh PKP dengan melakukan kaedah pembelajaran secara dalam talian serta menerapkan atau mengaplikasikan penggunaan platform dan medium ICT sebagai pengantaraan pembelajaran. Kebanyakan para pendidik harus memikirkan kaedah PdP yang sesuai bagi meneruskan pembelajaran mereka bersama para pelajar. Mereka harus menggunakan kaedah Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) yang fleksibel dan berpatutan dengan tahap kebolehan dan intelektual para pelajar. Hal ini kerana tahap kebolehan setiap pelajar adalah berbeza lebih-lebih lagi antara pelajar normal dan pelajar OKU. Pendekatan PdPc yang harus digunakan juga pasti berbeza.

Antara kaedah PdPc yang sesuai atau boleh digunakan oleh para tenaga pengajar sewaktu tempoh PKP disebabkan oleh COVID-19 ini adalah proses PdP melalui video klip, penggunaan gambar atau foto, persembahan murid dalam bentuk persembahan dan sketsa. Perakodan video klip boleh dilakukan oleh para guru dalam merekod pembelajaran yang ingin disampaikan dan seterusnya dihantar secara terus kepada pelajar atau kepada ibu bapa

mereka untuk disampaikan kepada anak-anak mereka. Penggunaan video klip dengan menggunakan soalan-soalan yang diberikan juga boleh dilakukan. Persembahan murid pula boleh dilakukan dengan cara melalui video atau lain-lain yang kreatif bagi mengekspresikan kefahaman mereka. Diharapkan penerapan contoh kaedah-kaedah PdP ini dapat membantu para guru dan pelajar dalam menjalankan sesi PdP secara dalam talian ini dengan lebih mudah dan praktikal sepanjang tempoh PKP disebabkan oleh COVID-19.

6.0 Perbincangan

6.1 Isu Penggunaan Ict Dalam Proses Pdp Bagi Pelajar Oku & Institusi Pendidikan Sewaktu Covid-19

Pihak KPM telah mengarahkan semua aktiviti PdP dijalankan secara maya atau dalam talian disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda dunia. Kajian ini memfokuskan isu penggunaan ICT atau teknologi buat para guru di institusi pendidikan khas terutama Sekolah Pendidikan Khas dan golongan pelajar OKU yang mempunyai masalah pembelajaran sewaktu menghadiri proses PdP secara dalam talian ketika tempoh PKP dijalankan. Mereka merupakan golongan yang mempunyai masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Menurut Azman Ab Rahman (2018), mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, *Syndrome Down*, lembap dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti *Austisme (Autistic Spectrum Disorder)*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)* dan masalah pembelajaran spesifik seperti *Dyslexia*, *Dyscalculia* dan *Dysgraphia*. Antara isu yang timbul adalah seperti berikut: -

1. Kekurangan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Penyediaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) merupakan satu cabaran buat para guru untuk mengajar para pelajar OKU secara maya atau dalam talian sewaktu tempoh PKP dijalankan lebih-lebih lagi buat para guru Sekolah Pendidikan Khas. Perkara ini ditegaskan oleh Puan Nisha Amin (2020) seorang guru Pra-Vokasional di Sekolah Taarana Special Needs Education di mana beliau menyatakan bahawa kesukaran sering timbul apabila hendak menyediakan BBM bagi tujuan perekodan video bagi sesi pembelajaran pelajar berkeperluan khas ini dan memerlukan kreativiti yang tinggi serta tersendiri untuk mempelbagaikan corak pembelajaran yang diberikan agar lebih mudah difahami dan memenuhi keperluan unik mereka. Ianya bagi menarik perhatian para pelajar OKU ini demi menjaga kebajikan perkembangan pendidikan mereka meskipun sewaktu tempoh PKP disebabkan oleh COVID-19. Antara BBM yang digunakan sewaktu mengajar pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran adalah Alat Bantu Visual (*visual aid*). Ianya merupakan komunikasi melalui bantuan visual dan digambarkan sebagai pengantar idea dan maklumat dalam bentuk yang dapat dibaca atau dipandang. Kebanyakan Alat Bantu Visual hanya terdapat di sekolah dan tidak di rumah para tenaga pengajar mahupun pelajar. Maka, kekurangan BBM menjadi satu cabaran buat para guru kerana perlu menggunakan bahan yang sedia ada di rumah mereka bagi membantu mereka menjalankan proses PdP secara dalam talian.

2. Tiada Kemudahan Yang Lengkap dan Kemahiran ICT

Pengaplikasian PdP secara maya memerlukan kepada kemudahan atau fasiliti yang lengkap bagi memastikan objektif pembelajaran dan penyampaian dua hala ini berjaya dicapai. Proses PdP melalui pengantaraan teknologi seperti *Zoom*, *Google Meet* dan *Ms Teams* misalnya memerlukan kepada kemudahan seperti komputer riba dan jaringan internet yang mantap. Buat para pendidik mahupun pelajar, untuk menghadiri kelas secara dalam talian bukanlah suatu yang mudah seperti yang dijangka. Capaian internet menjadi perkara utama (Dr. Mohan, 2020). Kajian yang telah dijalankan terhadap 2,250 orang guru di Amerika Syarikat berkaitan dengan penggunaan internet dalam PdP mendapati bahawa 68% guru menggunakan internet atas daya usaha sendiri untuk mencari maklumat bagi tujuan pengajaran (Thulasimani, 2015). Perkara tersebut memberikan satu impak yang besar terhadap betapa pentingnya kemudahan internet dalam proses PdP bagi tujuan seperti mencari bahan, menyediakan BBM dan menjalankan kelas secara dalam talian. Tambahan pula, bukan semua pelajar istimewa ini mempunyai kewangan yang baik dan jaringan internet yang mantap serta kemahiran yang baik untuk menggunakan teknologi maklumat. Terdapat juga pelajar yang menggunakan telefon bimbit, ibu bapa mereka terpaksa membeli data semasa mengakses internet. Mereka terpaksa berbelanja banyak untuk memudahkan komunikasi. Kekangan ini sentiasa dilihat sebagai satu cabaran buat para pelajar OKU dan ibu bapa, malahan buat para guru sendiri dalam mengaplikasikan kaedah PdP secara dalam talian. Walaupun proses pembelajaran menggunakan platform internet membolehkan pelajar memahami permasalahan nyata secara komunikasi maya, perhatian harus diberikan untuk membantu para pelajar yang memerlukan dalam menyediakan fasiliti yang lengkap buat mereka bagi menghadiri kelas secara maya dengan sempurna dan mencari maklumat berkaitan pembelajaran dengan lebih mudah disamping bantuan oleh keluarga atau ibu bapa mereka.

3. Komitmen Pelajar

Pelajar yang terdiri daripada golongan OKU pasti cukup terkesan dengan perubahan corak pembelajaran yang dilakukan sewaktu COVID-19. Berdasarkan pemerhatian, pelajar normal dilihat kurang bermasalah dalam mengikuti perkembangan dan perubahan corak PdP seharian mereka. Namun, pelajar daripada institusi pendidikan khas seperti Sekolah Pendidikan Khas yang mempunyai kaedah PdP yang tersendiri serta berbeza daripada pelajar normal daripada persekolahan biasa pasti mengalami kejutan terhadap perubahan corak PdP yang dijalankan oleh para guru mereka. Sebahagian anak-anak istimewa lambat pembelajaran ini tidak dapat menerima perubahan jadual dan corak PdP yang dilakukan seperti proses PdP secara rakaman video pendidikan sewaktu COVID-19 dan PKP dijalankan (Nisha Amin, 2020). Hal ini menyebabkan para pelajar OKU ini tidak dapat memberikan perhatian, fokus dan komitmen terhadap pembelajaran mereka dengan sepenuhnya sewaktu PdP secara maya dijalankan. Maka, para guru terpaksa memikirkan kaedah yang terbaik dan menggunakan kreativiti yang tinggi bagi menarik perhatian serta fokus pelajar OKU. Ia bertujuan untuk memastikan pelajar OKU ini tidak ketinggalan dan perkembangan pendidikan mereka terjamin meskipun sewaktu COVID-19 berlaku. Antara faktor lain juga adalah disebabkan oleh kebanyakan *Picture Exchange Communication* (PEC) hanya terdapat di sekolah. Ia digunakan khas sebagai alat BBM bagi golongan

pelajar *autism* misalnya dalam menganalisis arahan atau input yang diterima. Maka, disebabkan itu juga ibu bapa di rumah sukar untuk mengawal anak-anak istimewa mereka ini dan secara tidak langsung menyebabkan komitmen pelajar terhadap PdP secara dalam talian berkurangan.

4. Komitmen Ibu Bapa

Proses PdP secara atas talian memerlukan satu komitmen daripada ibu bapa untuk memantau anak-anak OKU mereka yang mempunyai masalah pembelajaran kerana kekangan yang dialami oleh anak-anak OKU ini dalam memahami ilmu yang dipelajari. Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan, terdapat juga ibu bapa yang yang tidak mampu memberikan komitmen sepenuhnya untuk memantau pembelajaran anak mereka kerana tidak faham serta berpengetahuan akan ilmu atau kemahiran yang dipelajari oleh anak-anak OKU mereka di Sekolah Pendidikan Khas. Menguasai standard kandungan, standard pembelajaran dan pengetahuan sedia ada dalam pembelajaran anak-anak memerlukan kemahiran yang tertentu serta bukan satu perkara yang hanya perlu dititikberatkan oleh para guru sahaja, malahan para ibu bapa juga. Apabila mereka memahami pembelajaran yang dipelajari oleh anak mereka, maka mereka akan mampu untuk membantu anak-anak mereka dalam proses PdP yang dijalankan serta memberikan komitmen yang sebaiknya dalam proses PdP yang dijalankan secara maya ini. Selain itu, bagi pelajar OKU yang mana ibu bapa mereka terdiri dalam kalangan barisan hadapan mahupun perkhidmatan penting negara, hal ini kadang kala telah menyebabkan mereka tidak mampu untuk memperuntukkan masa sepenuhnya dalam membantu aktiviti pembelajaran anak istimewa mereka yang dijalankan melalui dalam talian. Maka, sebab-sebab ini menjadikan satu cabaran buat ibu bapa yang mempunyai anak OKU masalah pembelajaran ini dalam memantau pembelajaran anak-anak mereka.

5. Kekurangan Sumber Untuk Pendidikan Khas

Kajian yang telah dijalankan terhadap persepsi guru terhadap pelajar dengan keperluan khas telah mendapati bahawa kekurangan sumber untuk Pendidikan Khas di Sekolah Pendidikan Khas merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh para guru. Ianya termasuklah kekurangan sumber rujukan dan kekurangan sistem untuk mengenali pasti keperluan pelajar Pendidikan Khas. Sebanyak 78.3% telah dipersetujui oleh para guru bahawa ketiadaan sumber yang mencukupi dalam membantu mereka mengajar para pelajar OKU ini dengan baik (Rosemary & Kristine, 2014). Kekangan ini bukan sahaja tertumpu kepada para guru, bahkan para pelajar OKU juga di mana mereka juga menghadapi masalah yang sama untuk mendapatkan sumber rujukan berkenaan kaedah PdP yang terbaik sewaktu negara dilanda COVID-19. Garuba (2003) menyatakan bahawa hal ini mungkin disebabkan oleh kekurangan dana dan falsafah pendidikan seterusnya menyumbang kepada faktor kepada masalah kekurangan sumber untuk Pendidikan Khas. Maka, ianya memberi kesan terhadap persoalan yang timbul berkenaan dengan bentuk PdP yang sewajarnya dilakukan oleh para guru dan pelajar OKU sewaktu COVID-19 kerana tiada sumber rujukan yang dapat membantu mereka bagi dijadikan rujukan. Oleh itu, kebanyakan institusi pendidikan termasuk Pendidikan Khas menggunakan medium interaksi maya sebagai pengganti proses PdP secara biasa namun dengan pendekatan

medium penyampaian ilmu secara maya yang bersesuaian dengan pelajar OKU seperti perekodan video pembelajaran.

6. Kurang Kemahiran Untuk Mengajar Pelajar OKU

Tidak semua guru mempunyai kemahiran atau kepakaran khusus dalam mengajar pelajar OKU. Kebanyakan mereka hanya mempunyai pengalaman mengajar pelajar OKU ini secara terus atau bersemuka, namun tidak secara maya atau atas talian kerana ia dilihat agak sukar untuk ilmu tersebut difahami oleh mereka. Mengajar pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran memerlukan teknik dan kemahiran tertentu. Sebanyak 75% daripada kalangan guru tidak mengambil kos atau pengajian khusus bagi Pendidikan Khas (Rosemary & Kristine, 2014). Justeru, hal ini memberikan kesukaran buat para guru Pendidikan Khas untuk menjalankan proses PdP bersama pelajar OKU ini sewaktu COVID-19. Oleh itu, kebanyakan guru hanya mengambil inisiatif seperti berhubung dengan ibu bapa pelajar bagi mengetahui perkembangan anak-anak istimewa ini sewaktu berada di rumah (Nisha Amin, 2020). Kebiasaan para guru Pendidikan Khas yang kebiasaannya mengajar para pelajar OKU ini secara bersemuka, telah memberikan kesan dan juga cabaran buat mereka kerana perlu meneruskan PdP sewaktu PKP COVID-19 ini secara maya disamping perlu memikirkan kesesuaian teknik mengajar yang berkesan terhadap golongan pelajar OKU ini.

7.0 Kesimpulan

Sejajar dengan konsep pembelajaran abad ke-21 dan pembangunan industri 4.0, keperluan teknologi semakin memberangsangkan dan menerima permintaan yang tinggi dalam kebanyakan sektor. Perkembangan teknologi juga merupakan perkara yang sangat penting dan menjadi salah satu medium interaksi dalam proses PdP di institusi pendidikan di Malaysia. Pandemik wabak COVID-19 banyak mengubah corak pembelajaran yang kebiasaannya dijalankan secara bersemuka namun kini telah dijalankan secara dalam talian sewaktu PKP dijalankan. Hal ini tidak terkecuali kepada golongan pelajar OKU di Sekolah Pendidikan Khas mahupun insitusi swasta yang lain. Mereka juga turut terkesan dengan implikasi yang diterima disebabkan oleh COVID-19 ini.

Platform seperti *E-Learning*, *Youtube* dan lain-lain merupakan antara medium yang digunakan dalam menempatkan banyak informasi dan menjadi ruang rujukan utama pelajar. Walaupun para guru, ibu bapa mahupun pelajar OKU sendiri mempunyai kekangan serta cabaran yang tersendiri dalam melaksanakan proses PdP secara maya sewaktu COVID-19 ini, mereka harus menerima norma baharu gaya pembelajaran kini bagi memastikan pendidikan anak-anak OKU ini terjamin meskipun dalam tempoh PKP dijalankan. Rangkaian media sosial dan komunikasi secara dalam talian sememangnya tidak dapat dielakkan. Ia merupakan antara platform yang mampu menggalakkan serta meneruskan proses PdP bagi institusi pendidikan. Oleh itu, pihak berwajib seperti KPM sewajarnya memikirkan satu kaedah atau platform khas bagi pelajar yang terdiri daripada kalangan OKU ini dalam mengakses serta mengikuti proses PdP sewaktu COVID-19 ini dengan lebih fleksibel.

Penghargaan

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), dengan tajuk Pembangunan Model Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Konteks Malaysia Baharu, Kod Penyelidikan USIM: USIM/FRGS/FSU/055002/50519 dan Kod Penyelidikan JPT: FRGS/1/2019/WAB04/USIM/02/1. Ketua penyelidik juga merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

Rujukan

- Al-Bakri, Zulkifli Mohamad. (2020, Januari 29). Bayan Linnas Siri Ke - 221: Mauqif (Pendirian) Kami Tentang Novel Coronavirus (2019-Ncov). Didapatkan dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4074-bayan-linnas-siri-ke-221-mauqif-pendirian-kami-tentang-novel-coronavirus-2019-ncov>.
- Ab Rahman, A., Shamsudin, S. S. S., Nozlan, N. N., Shakor, M. F. A., & Sukari, A. (2021). Pandemik COVID-19: Cabaran Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Khas Bagi Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Masalah Pembelajaran Di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 127-138.
- Azman Ab Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, & Mohammad Naqib Hamdan. (2014). *Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya (OKU)*. Nilai: Penerbit USIM.
- Azman Ab. Rahman (2018). Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, Vol. 12, No. 1.
- Dr. Mohan Rathakrishnan (14 Julai 2020). *Covid-19 Ubah Pengajaran dan Pembelajaran Dari Rumah*. Diakses pada 1 September 2020 daripada laman web <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/710464/covid-19-ubah-pengajaran-dan-pembelajaran-dari-rumah>.
- Farhana, A. (2020). Kolej Dua Belas Universiti Putra Malaysia (UPM). Diakses pada 21 Mac 2020, melalui laman web: https://k12.upm.edu.my/artikel/virus_koronavirus-55249.
- Garuba, A. (2003). Inclusive eucation in the 21st century: Challenges and opportunities for Nigeria. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*, 12(2), 191-200.
- Hafizah Zainal, Zakaria Othman & Faisal Mustaffa. (2019). Pelaksanaan Model Sustainable Development Goals Dalam Inisiatif Pengurusan Zakat Di Kedah. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, Vol. 1, pp. 1-6.
- Kimberlee S. Brown, Lesley A. Welsh, Kristin Haegele Hill & Joseph P. Cipko. (2008). The Efficacy of Embedding Special Education Instruction In Teacher Preparation Programs In United States. *Teaching and Teacher Education*, Volume 24, Issue 8, Pages 2087-2094. <https://www.sciencedirect.com/science/article/abs/pii/S0742051X08000401>.

- KKM. (2019). Covid-19 (Infografik) Apa itu Novel Coronavirus? Didapatkan Mac 20, 2020, daripada Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM): <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2264>.
- Lay WL, Hui ML. (2014). The Evolution of Special Education in Malaysia. *British Journal of Special Education*, 41 (1), 42-58.
- Majlis Majma' Al-Fiqh Al-Islami Ad-Duwali. (2015). *Qarar Bisha 'ni Huquq Al-Mu'awwiqin Fi Al-Fiqh Al-Islami, Qarar Raqam: 213 (22/9)*. Diakses pada 14 Oktober 2019, daripada laman web Majma' Al-Fiqh Al-Islami Ad-Duwali: <http://www.iifa-aifi.org/3998.html>.
- Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh, Zunidar MPd., Dr. Usiono, MA., Eka Yusnaldi M.Pd., Siti Hajar Taib, Ikwan Lubis SE, MM. Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik Covid 19 Di Malaysia. *Research Journal on Islam and Civilization*, Volume 4, No. 1, pp. 75-91.
- Muhamad Nadhir Abdul Nasir & Alfa Nur Aini Erman Efendi. (2016). Special education for children with disabilities in Malaysia: Progress and obstacles. *Malaysian Journal of Society and Space*, Volume 12, Issue 10, pp. 78 – 87.
- Mohamad Idham Md Razak. (9 April 2010). *Covid-19: Pembelajaran Atas Talian Suatu Keperluan Ke Arah Menuju Malaysia Maju*. Diakses pada 17 Ogos 2020 daripada laman web <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-pembelajaran-atas-talian-suatu-keperluan-ke-arrah-menuju-malaysia-maju-237496>.
- Norsyakirah Kalamullah & Nor Athirah Mazlan. (8 August 2018). *Sejarah Perkembangan Pendidikan Khas*. Diakses pada 27 Julai 2021 daripada laman web <http://nsyakirahk.blogspot.com/>.
- Norakyairree Mohd Raus, Siti Rahmah Ahmad Razuan, Syar Meeze Mohd Rashid, Ab. Halim Tamuri & Norshidah Mohamed Salleh. (2018). Teknologi Al-Quran Bagi Orang Kurang Upaya. Kertas Kerja Pembentangan Seminar Konvensyen Fiqh Teknologi. Islamic & Human Development Centre Universiti Malaysia Pahang.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of International Conferennce On Islamic Civilization and Technology Management*. 23-24 November 2019.
- Nozina Yahaya. (03 Disember 2020). *Pandemik COVID-19 Ubah Sistem Pendidikan*. Diakses pada 28 Julai 2021 daripada laman web <https://www.sinarharian.com.my/article/113155/KHAS/>.
- Nur Farah. (2013). (27 Disember 2013). *Teknologi Dalam Pendidikan*. Diakses pada 27 Julai 2021 daripada laman web <https://nurfarahiahrukman.wordpress.com/2013/12/27/penggunaan-teknologi-dalam-pendidikan-khas/>.
- Osman, B. H. A., & Basar M.N. (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. Jilid 10.
- Rachel K. Schuck & Rachel Lambert, ““Am I Doing Enough?” Special Educators’ Experiences with Emergency Remote Teaching in Spring 2020”, *Education Sciences*, vol. 10, issue. 11, 2020, p. 320 [<https://doi.org/10.3390/educsci10110320>].

- Rosemary Oneke Arrah & Kristine D. (2014). Teachers' Perceptions of Students with Special Education Needs in Cameroon Secondary School. *International Journal of Special Education*, vol.29 no. 3, p101-110.
- Singal N, Salifu EM, Iddrisu K, Casely-Hayford L, Lundebye H (2015) The Impact of Education in Shaping Lives: Reflections of Young People with Disabilities in Gana. *International Journal of Inclusive Education*, 19 (9), 908-925.
- Syed Hassan, Syed Najihuddin & Hassan, Syed & Zakaria, Nidzamuddin & Yu Long, Ma & Goje, Kabiru & Mohd Said, Walid. (2016). Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi.
- Thulasimani Munohsanmy (2014). Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan. Institut Teknologi Brunei. *Journal IPA Bil. 23, 2014*.
- Wan Sabri Wan Husin, M. Z. (2013). "Model Pembangunan Institusi Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa". *The 3rd Annual International Quranic Conference*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR), Universiti Malaya.

Temu bual

Nisha Amin. Guru Pra-Vokasional di Sekolah Taarana Special Needs Education. 24 Ogos 2020.